

02/09/1998

Langkah drastik beri kesan positif

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa semua langkah drastik yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara, akan berjaya.

"Ya, saya memberi jaminan keputusan yang dibuat oleh kerajaan, bukan Bank Negara Malaysia (BNM), akan memberi kesan positif.

"Kerajaan yang membuat keputusan ini, dan ia dibuat melalui proses biasa (seperti mana-mana) keputusan yang dibuat oleh kerajaan," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau mengaku bahawa ada pegawai-pegawai kanan BNM tidak begitu gembira dengan langkah berkenaan.

"Kalau ada yang tidak gembira mereka boleh meletak jawatan. Kita tidak pernah berkata Bank Negara adalah sebuah badan bebas, kerana hakikatnya ia adalah agensi kerajaan.

"Mereka tidak boleh mempertikaikan keputusan kerajaan, tanpa mengambil kira kedudukan ekonomi dan dasar kerajaan," katanya.

Mengenai kedudukan Pemangku Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, Perdana Menteri berkata beliau adalah bebas setakat menjalankan tanggungjawabnya, tetapi Dr Zeti tidak bebas untuk melemahkan (undermine) ekonomi negara.

"Sesiapa (pegawai BNM) yang melemahkan ekonomi, mereka boleh meletak jawatan," tegasnya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri, yang disiarkan secara langsung oleh RTM, petang tadi.

Dr Mahathir berkata, Dr Zeti akan terus menjadi pemangku BNM sehingga Gabenor baru dilantik. Beliau bagaimanapun berkata setakat ini tiada calon untuk jawatan itu.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata spekulator mata wang sudah pasti terus berusaha menggugat kedudukan ekonomi negara ini, walaupun kerajaan memperkenalkan pelbagai langkah menyekat kegiatan mereka.

"Mereka adalah orang yang pintar tetapi jika mereka melakukan apa-apa, kita juga akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Diminta mengulas lanjut mengenai kadar ringgit yang akan ditetapkan, Dr Mahathir berkata beliau ingin melihat mata wang itu berada dalam keadaan stabil, bukan turun naik seperti sekarang.

"Saya tidak boleh menyatakan apakah kadar yang ingin kerajaan tetapkan, jika saya kata sesuatu ia akan memberi kesan kepada kadar pertukaran ringgit.

"Saya ingin menyaksikan kadar pertukaran itu secara asasnya stabil, tidak turun naik.

"Ini penting kerana golongan peniaga boleh menjalankan perniagaan dengan mengetahui sebenarnya nilai dagangan mereka, seperti harga, daripada terus berteka-teki dengan keadaan turun naik sekarang," katanya.

(END)